PENANG LAWAN COVID-19

Duduk di rumah
Amalkan jarak sosial

APRIL 16-30, 2020

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Pasca COVID-19

Posisikan semula kedudukan Pulau Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

GEORGE TOWN – Melalui 'Strategi Next Normal Pulau Pinang' Kerajaan Negeri kini dalam keadaan siap siaga menghadapi situasi baharu akibat wabak COVID-19 terutamanya membabitkan aspek ekonomi negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa strategi ekonomi merupakan salah satu daripada tiga cabang pembaharuan dalam pendekatan berkenaan iaitu pembaharuan institusi, ekonomi serta sosial negeri Pulau Pinang.

Menurut beliau, bagi memposisikan semula kedudukan negeri Pulau Pinang dalam anjakan rantaian bekalan sedunia, Kerajaan Negeri telah mengarahkan satu *taskforce* Ekonomi Next Normal Pulau Pinang ditubuhkan.

"Bagi memposisikan semula kedudukan Pulau Pinang dalam anjakan rantaian bekalan sedunia akibat krisis-krisis semasa seperti Perang Perdagangan Amerika Syarikat-China dan wabak COVID-19, *taskforce* ini akan mengenal pasti hala tuju perkembangan ekonomi negeri, negara, serantau dan dunia serta mengorak strategi bagi menarik pelaburan-pelaburan baru ke Pulau Pinang dan Malaysia.

"Kita (Pulau Pinang) bercadang bertindak lebih awal bagi memastikan manfaat anjakan ekonomi sedunia ini akan menguntungkan negeri," ujarnya sambil berharap agar pemetaan strategi ekonomi awal tersebut akan memberikan keyakinan kepada rakyat Pulau Pinang, dan pasaran secara amnya, sekaligus kepentingan rakyat dan negeri kekal terpelihara.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang bersiaran langsung dalam laman *Facebook* beliau pada 18 April lalu memberitahu bahawa fokus serampang dua mata 'Strategi Next Normal Pulau Pinang' berkenaan adalah untuk memastikan pemacuan ekonomi Pulau Pinang melalui pelaksanaan projek-projek awam dan juga pengukuhan sektor PKS (Perniagaan Kecil dan Sederhana) negeri atau SME.

"Dalam aspek pengukuhan sektor SME, Pulau Pinang mensasarkan suatu kerangka pemikiran baru yang sebenarnya sudah mula dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini melalui:

Pertama, pendigitalan ekonomi negeri dan pada tahun lalu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Digital Penang untuk memangkin peralihan ini, yang mana krisis yang berlaku kini telah mempercepatkan lagi proses pendigitalan ini. Serentak itu, Kerajaan Negeri mensasarkan penubuhan *Digital Free Trade Zone* pertama di Pulau Pinang menjelang tahun hadapan.

Kedua, memperkukuhkan kedudukan Pulau Pinang dalam sektor peralatan perubatan. Dalam tempoh 10 tahun ini, Kerajaan Negeri giat memperluaskan sektor ini, dan kini beberapa pemain utama peralatan perubatan global telah bertapak di Pulau Pinang.

Ketiga, memfokuskan semula sektor elektrikal dan elektronik (E&E) untuk mempelbagaikan produk mereka daripada produk elektronik konsumer kepada produk aplikasi industri seperti sistem telekomunikasi, peralatan Industri 4.0, peralatan perubatan dan lain-lain.

Keempat, mengembangkan sektor perkongsian perkhidmatan global, yang mana pada masa kini Pulau Pinang mempunyai lebih 60 syarikat yang terlibat dalam sektor ini dengan penyediaan pekerjaan bernilai tinggi kepada 12,000 pekerja melalui perkhidmatan seperti bidang kewangan, pengurusan rantaian bekalan, perdagangan, analitik, penyelidikan serta pembangunan, logistik dan sebagainya. Kemudahan serta ketersediaan rantaian bekalan matang ini telah mewujudkan satu ekosistem yang mempunyai efisiensi tinggi dan berkos rendah bagi menarik syarikat-syarikat multinasional untuk datang ke Pulau Pinang serta Malaysia.

Kelima adalah memposisikan semula kedudukan negeri melalui *taskforce* Ekonomi Next Normal Pulau Pinang.

"Manakala pengumuman lanjut tentang projek awam Kerajaan Negeri akan diumumkan dalam tempoh terdekat," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada siaran langsung berkaitan di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow secara umumnya memberitahu bahawa ekonomi Pulau Pinang masih lagi mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

"Pulau Pinang telah merekodkan jumlah pelaburan pembuatan diluluskan untuk tempoh Januari sehingga September 2019 sebanyak RM13.3 bilion, ini mewakili kira-kira 23 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan Malaysia.

CHOW Kon Yeow.

"Pelaksanaan pelaburan ini sudahpun bermula, dan *InvestPenang* (iP) menjangkakan bahawa kita (Pulau Pinang) akan mewujudkan kira-kira 13,000 peluang pekerjaan baru hasil daripada pelaksanaan pelaburan ini," ulasnya.

Dalam perkembangan berasingan, Kon Yeow turut memaklumkan berhubung inisiatif tambahan, *Penang Career Assistance and Talent Centre* (CAT Centre) yang telah mengambil langkah awal untuk menguruskan pemadanan serta penempatan semula pekerjaan kepada kira-kira 500 kakitangan kilang *Esquel* yang ditutup semalam.

"Pihak CAT Centre telah mengambil langkah menghubungi Bahagian Sumber Manusia kilang berkaitan bagi menguruskan pemadanan dan penempatan semula pekerjaan kepada kakitangan mereka di Pulau Pinang.

"Malah, terbaru adalah kilang *Pan Apparel* di Pulau Pinang dan Ipoh, Perak yang membabitkan 2,600 pekerja dengan 30 peratus daripadanya adalah warga tempatan, Kerajaan Negeri juga akan meneliti keperluan pihak berkaitan pada kadar segera," katanya.

Sementara itu, merujuk kepada jumlah kes baru di negeri Pulau Pinang yang telah empat hari (sehingga 18 April 2020) berada pada kadar sifar bermula 15 April lalu, Kon Yeow memaklumkan bahawa berdasarkan pemantauan pelaporan kes COVID-19 untuk tempoh 14 hari bagi Negeri Pulau Pinang, sekiranya tiada pertambahan kes, semua daerah di Pulau Pinang akan menjadi zon hijau pada 27 April 2020.

"Bagi peringkat daerah, jika tiada pertambahan kes, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) akan menjadi daerah pertama zon hijau pada 21 April 2020,'' ujarnya.

Fasa 1 PKP, terima kasih rakyat Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Kadar kepatuhan terhadap pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi negeri Pulau Pinang meningkat kepada 95 peratus, sebelum berakhirnya Fasa 1 pada 31 Mac lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kadar kepatuhan PKP bagi Fasa 1 yang dilaporkan oleh Ketua Polis Negeri meningkat dari semasa ke semasa.

"Walaupun pada minggu pertama (pelaksanaan PKP) semua pihak berusaha menyesuaikan diri dengan perintah baharu dan mengambil sedikit masa, namun setelah kempen-kempen kesedaran, pemantauan dan penguatkuasaan serta laporan setiap hari dalam massa, saya percaya rakyat mulai sedar.

"Saya yakin kita mampu mencapai matlamat (pelaksanaan PKP) dan menjangkakan kadar peratusan pematuhan akan bertambah baik apabila kita kini berada dalam Fasa 2 PKP," ujarnya dalam temubual eksklusif rancangan 'Selamat Pagi Malaysia' di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini 3 April lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yakin bahawa rakyat Pulau Pinang kini sedar peri penting untuk semua pihak bekerjasama untuk *'flattening the curve'* atau meratakan lengkungan seterusnya memutuskan rantaian ancaman wabak COVID-19.

"Terima kasih kepada semua rakyat Pulau Pinang yang memberikan kerjasama yang baik dalam Fasa 1 PKP.

"(Malah) Datuk Bandar bagi kedua-dua Majlis Bandaraya turut melaporkan kadar pematuhan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) mencapai 99 peratus melibatkan pasar-pasar awam dan premis seliaan kedua-dua Majlis Bandaraya," jelasnya.

Menjawab soalan mengenai penubuhan Tabung Covid-19 Pulau Pinang, Kon Yeow menyatakan bahawa tujuannya adalah sebagai platform bagi membolehkan sektor swasta, korporat dan orang perseorangan menyumbang kepada negeri Pulau Pinang.

"Selain itu, dana tambahan daripada Kerajaan Negeri (melalui pemotongan gaji sebulan Ketua Menteri dan Exco) ini akan digunakan untuk memberi bantuan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan *'frontliners'* yang terlibat dalam perang melawan COVID-19 di negeri ini," katanya yang mengalu-alukan sumbangan bagi meringankan beban mereka yang terjejas.

KETUA Menteri pada sesi temubual eksklusif rancangan 'Selamat Pagi Malaysia' saluran RTM di sini baru-baru ini.

Ketepikan perbezaan politik, gabung lawan COVID-19

GEORGE TOWN - Penumpang pesawat termasuk warga Pulau Pinang yang melalui pintu masuk antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) perlu dikuarantin di Kuala Lumpur serta tidak dibenarkan meneruskan perjalanan ke negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam siaran *Live Facebook* pada 5 April lalu berharap semua pihak dapat bersabar serta terus patuh kepada saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bermula 3 April 2020.

"Saya berharap anda akan bersabar dan mematuhi arahan terbaru ini demi keselamatan semua.

"Percayalah, pengorbanan anda memberi makna yang besar kepada semua pihak," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada siaran berkaitan.

Tambah beliau, Pengurus Kanan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) memberitahu bahawa tiada lagi penerbangan antarabangsa ke negeri ini sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Selain itu, Kon Yeow turut memberitahu bahawa sehingga kini, sebanyak 370,000 pelitup muka dan 230,000 sarung tangan telah diedarkan kepada anggota barisan hadapan daripada pelbagai agensi serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Saya bersyukur apabila dimaklumkan oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sehingga 4 April 2020 tiada anggota barisan hadapan kita yang dijangkiti dengan virus pandemik ini.

"Ketua Polis Pulau Pinang memaklumkan bahawa kadar kepatuhan PKP sehingga 12 tengah malam 4 April 2020 ialah 97.8 peratus. Sedikit lagi untuk capai 100 peratus, ayuh kita buktikan!" jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua pihak kerana terus patuh kepada amalan jarak sosial serta menjaga kebersihan diri mengikut panduan-panduan ditetapkan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang yang menyumbang satu bulan gaji kepada Tabung Covid-19 Pulau Pinang.

"Semalam, Ketua Pembangkang dan Ketua Backbencher Dewan Undangan Negeri telah mengeluarkan kenyataan bersama untuk menderma 30 peratus daripada gaji masing-masing juga kepada tabung berkaitan.

"Terima kasih kepada inisiatif semua wakil rakyat Pulau Pinang yang sanggup mengetepikan perbezaan politik dan bergabung melawan COVID-19," ulasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada *InvestPenang* (iP) dan rakan-rakan industri di negeri Pulau Pinang yang telah tampil menghulurkan sumbangan bernilai RM1.5 juta untuk melawan wabak berkaitan.

"Sebarang sumbangan awam boleh dikreditkan ke akaun Tabung Covid-19 Pulau Pinang, 557054620930 (nombor akaun Maybank), selain layari butiran lanjut di web *www.PenangLawanCovid19.com*,'' ulasnya.

Oleh: **AZMI HUSSIN**

MBPP guna platform e-dagang bantu peniaga kecil dan penjaja

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara yang menggunakan platform e-dagang eksklusif bagi membantu para peniaga kecil dan penjaja di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif Jom Beli Online @MBPP (JBO@MBPP) bakal menjadi tarikan terbaharu terutama kepada para peniaga kecil dan penjaja yang mahu berjinak-jinak dalam urus niaga semasa.

"Objektif utama adalah sebagai sistem sokongan kepada para peniaga tempatan untuk meningkatkan jualan serta sebagai persediaan untuk mereka menghadapi cabaran urus niaga pada masa hadapan.

"Pada peringkat permulaan, inisiatif ini akan menumpukan kepada para peniaga di Kompleks Makanan seliaan MBPP sahaja dan sekiranya mendapat sambutan, akan diperluaskan lagi inisiatif ini.

"Syabas dan tahniah kepada MBPP atas kejayaan memperkenalkan satu lagi inisiatif bagi membantu para peniaga berurus niaga menggunakan konsep secara dalam talian terutama ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," ujarnya sempena Majlis Pelancaran JBO@MBPP yang disiarkan secara langsung melalui *Facebook* @Majlis Bandaraya Pulau Pinang di sini 7 April lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali serta wakil Ketua-ketua Jabatan MBPP berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berharap dengan adanya platform JBO@MBPP berkaitan, ia dapat membantu memulihkan sektor peniagaan kecil yang terjejas akibat pelaksanaan PKP.

"Melalui JBO@MBPP ini, peniaga akan memperoleh bayaran daripada hasil jualan dalam tempoh tiga hari dari tarikh urus niaga.

"Malah, dengan adanya ruang perniagaan secara dalam talian ini, para peniaga kecil serta penjaja tidak akan ketinggalan mempromosikan produk mereka selain mampu menjana pendapatan lebih.

"Urusan penghantaran makanan juga ditambah baik, yang mana, pelekat label yang tertera 'Jangan Terima Sekiranya Label Terkoyak' turut disediakan sebagai jaminan terhadap keselamatan makanan kepada pelanggan.

"Maka, saya berharap, para peniaga kecil serta penjaja di sini (bahagian pulau) dapat menyokong inisiatif ini dan menjadikannya salah satu medium terbaik untuk mengembangkan semula perniagaan yang mungkin terjejas dalam tempoh ini," jelasnya yang turut menunjukkan demonstrasi pembelian menggunakan JBO@MBPP.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika ditemui memberitahu bahawa sebagai permulaan, pihaknya memberi tumpuan kepada para peniaga kecil dan penjaja di Kompleks Makanan MBPP.

"Jadi pelanggan yang berada dalam radius tujuh kilometer dapat memesan makanan yang disediakan di Kompleks Makanan MBPP terdekat dan makanan akan dihantar oleh rakan penghantar, DeliverEat, dalam tempoh masa 45 minit.

"Selain peniaga kecil dan penjaja, pihak kami juga akan memperluaskan inisiatif ini kepada para peniaga di bazar Ramadan serta pasar-pasar awam terpilih.

"Bagi peniaga di bazar Ramadan, buat masa ini masih di peringkat perbincangan dengan para penganjur bazar (29 penganjur bazar Ramadan berdaftar)," ulasnya.

Membawa slogan 'Sokonglah Penjaja Kita', para pelanggan tidak perlu memuat turun aplikasi khas. Hanya layari portal rasmi MBPP dan klik pada tetingkap Jom Beli Online @MBPP.

Bagi peniaga kecil dan penjaja yang berminat untuk menyertai inisiatif JBO@MBPP, sila hubungi talian 016-200 4082.

KETUA Menteri bersama-sama Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (dua dari kiri) menunjukkan pelekat 'Jangan Terima Sekiranya Label Terkoyak' pada bungkusan makanan bersempena Majlis Pelancaran JBO@MBPP di sini baru-baru ini.

Pakej Bantuan Rakyat 'lanjutan', pertimbang golongan tercicir jika dilaksana

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BAYAN LEPAS - Kerajaan Negeri bakal memberi pertimbangan kepada golongan terkesan yang tercicir sekiranya Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 'lanjutan' dilaksanakan.

Perkara tersebut dizahirkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejurus Majlis Sumbangan Bekalan Makanan Asas kepada golongan nelayan di sini 12 April lalu.

Menurut Kon Yeow, nelayan merupakan antara yang 'tercicir' di dalam Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang diumumkan Kerajaan Negeri baru-baru ini yang bertujuan membantu meringankan beban golongan terkesan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lalu.

"Sebagaimana yang kita tekankan bahawa ramai terjejas pendapatannya termasuk golongan nelayan, Kerajaan Negeri akan cuba menyampaikan bantuan yang ada demi kepentingan semua.

"Golongan nelayan dalam Pakej Bantuan Rakyat (Pulau Pinang) tidak termasuk, namun pada masa akan datang sekiranya ada bantuan seterusnya, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan golongan-golongan tercicir di dalam pakej kedua," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain; Azrul Mahathir Aziz (ADUN) Bayan Lepas; Dato' Lim Hock Seng (Ketua Seksyen Pengangkutan); Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Azmi Mohamad (Timbalan Pengarah Projek SRS Consortium Sdn. Bhd.).

KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Sumbangan Bekalan Makanan Asas kepada golongan nelayan di sini baru-baru ini.

Seramai 30 nelayan daripada Unit Nelayan Teluk Kumbar, Permatang Damar Laut, Gertak Sanggul dan Sungai Batu terpilih untuk menerima bekalan keperluan makanan asas sumbangan Kerajaan Negeri pada majlis yang diadakan.

Sementara itu, dalam majlis berasingan, seramai 10 nelayan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mampu menarik nafas lega apabila kegelisahan mereka memperoleh perhatian Mutiara Food Bank (MFB) pada 8 April lalu.

Bantuan berupa keperluan makanan harian tersebut adalah hasil inisiatif dan bantuan Pusat Perkhidmatan Nelayan Setempat (PPSN) yang berkongsi senarai nama nelayan-nelayan berkaitan dengan MFB bagi tujuan berkenaan.

Wakil PPSN, Zuraini Md. Zin berkata bahawa pihaknya sedar terdapat golongan nelayan yang benar-benar terjejas ekoran penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

"Kebanyakan mereka adalah nelayan pantai, apabila PKP dikuatkuasakan, peraih (orang tengah) yang mengambil ikan tidak dapat masuk ke sini.

"Justeru, jika mereka ke laut, ikan-ikan hanya boleh dijual dengan usaha sendiri, kuantiti tidak banyak berbanding yang jualkan kepada peraih.

"Justeru, atas faktor itu, kami (PPSN) menyenaraikan nama nelayan terjejas dan cuba memohon bantuan daripada pihak MFB," jelasnya.

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi Unit Nelayan Permatang Tepi Laut, Mohd. Kassim Mohamed.

Terdahulu, difahamkan inisiatif sama (sumbangan keperluan harian) turut dilaksanakan oleh ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain kepada 20 nelayan, manakala Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (10) menjadikan keseluruhan nelayan yang menerima manfaat adalah seramai 40 orang.

Penghuni PPR Taman Manggis syukur terima sumbangan barangan makanan

PADANG KOTA - Para penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis syukur menerima sumbangan berupa barangan keperluan makanan buat kali kedua sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar keprihatinan pihak Kerajaan Negeri dapat meringankan beban golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

"Saya percaya sumbangan ini sedikit-sebanyak dapat mengurangkan beban sekaligus membantu golongan terkesan di PPR ini.

"Pengedaran sumbangan ini diberikan kepada semua 309 unit di sini, mereka (penghuni) rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah B40... dan keutamaan kita adalah terhadap golongan yang terkesan dengan COVID-19," ujarnya yang merupakan Ahli Parlimen Tanjong (ahli parlimen kawasan) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan di sini 14 April lalu.

Hadir sama, ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Dr. Tan Kim Hooi (Setiausaha Politik Ahli Parlimen Tanjong); Ir. A. Anilarasu (Pengarah Urusan Kumpulan Aspen Group) dan Ong Eng Choon (Presiden Persatuan Hui Lam Jalan Kedah).

Pada majlis tersebut, setiap unit menerima barangan keperluan makanan asas seperti beras, minyak, tepung dan barang-barang kering yang bernilai kira-kira RM100 setiap pek hasil sumbangan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Turut diterima, baucar pembelian susu tepung yang ditaja pihak swasta, Persatuan Hui Lam, Jalan Kedah.

Manakala sebahagian barangan makanan asas merupakan sumbangan daripada Aspen Group yang melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan peruntukan kira-kira RM15,000.

Menurut Kim Hooi, bagi mengurangkan beban penghuni di PPR berkenaan, sebanyak tiga sumbangan dijangka diserahkan kepada penduduk dalam tempoh terdekat.

"Ini adalah sumbangan kali kedua, sumbangan pertama telah diberikan sebelum ini melibatkan peruntukan kira-kira RM10,000 oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

"Manakala, pemberian ketiga dijangka dilakukan pada minggu hadapan," jelasnya.

PASUKAN Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri sejurus majlis penyampaian sumbangan kepada penghuni PPR Taman Manggis di sini baru-baru ini.

Lima beradik yatim piatu dapat perhatian ADUN

PRIHATIN... Nasib lima beradik yang kehilangan ibu bapa akibat kemalangan jalan raya baru-baru ini mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee yang tampil memberi sumbangan.

Sumbangan berupa susu tepung dan lampin pakai buang disampaikan semasa lawatan beliau ke kediaman keluarga berkenaan di Jalan Ahmad Said baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Bagan, K.C. Tan yang turut menyampaikan bantuan berupa makanan.

Lima beradik berkaitan menjadi yatim piatu dalam sekelip mata setelah motosikal ditunggang oleh ibu dan bapa mereka terlibat dalam kejadian kemalangan.

Ekoran itu, lima adik-beradik yang berusia antara dua hingga 16 tahun kini dijaga oleh datuknya.

SOON Lip Chee (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada lima beradik yang kehilangan kedua-dua ibu bapa mereka di sini baru-baru ini.

Lawan COVID-19, 'Wira Oren' sedia demi masyarakat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PERSEKITARAN pasar awam yang bersih dan selamat sentiasa menjadi keutamaan buat pasukan 'Wira Oren'.

KEBERADAAN pasukan 'Wira Oren' bukan lagi asing bagi penduduk Seberang Perai terutamanya semasa berlaku bencana alam seperti banjir kilat, ribut taufan dan sebagainya.

'Wira Oren' secara umumnya merujuk kepada barisan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang terlibat dengan kerja-kerja 3D (kotor, bahaya dan sukar) yang mana peranan mereka adalah sangat penting khususnya dalam aspek keselamatan, kebersihan serta keindahan Seberang Perai.

AZHAR Ismail (kanan sekali) menunjukkan laluan keluar kepada salah seorang pengunjung di Pasar Awam Sama Gagah dekat Penanti.

Dalam keadaan hujan atau panas, merekalah yang menjadi kumpulan paling awal turun ke lapangan untuk membantu masyarakat dengan penuh kebertanggungjawaban.

Tidak terkecuali, dalam usaha getir memerangi penularan wabak COVID-19, peranan wira-wira yang tidak didendang ini ternyata amat penting untuk memastikan penduduk di Seberang Perai sentiasa selamat dan terkawal.

MOHD. Zaki Hashim.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, **MOHD. ZAKI HASHIM**, 49, memberitahu bahawa meskipun terdapat kebimbangan terhadap risiko jangkitan wabak COVID-19, namun tugas yang diamanahkan harus dilaksanakan sebaik mungkin demi keselamatan masyarakat di Seberang Perai.

"Saya ditugaskan mengawal pergerakan termasuk memeriksa suhu badan pengunjung-pengunjung yang datang ke pasar ini sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

"Biasanya, setiap hari (enam hari seminggu) kami akan berada di sini dari jam 7 pagi hingga pasar tutup pada jam 12 tengah hari untuk mengawal pergerakan pengunjung supaya sentiasa berada dalam keadaan terkawal.

"Pada awal PKP dilaksanakan, ada juga pengunjung yang kurang memahami dan mengganggap apa yang kita lakukan ini mengganggu urusan mereka, tetapi sekarang ramai sudah faham bahawa semua usaha ini adalah demi keselamatan bersama," katanya ketika ditemui semasa bertugas di Pasar Awam Sama Gagah di sini 7 April lalu.

MOHD. FUAD AWANG JAAFAR, 40, pula memberitahu bahawa cabaran yang dihadapi 'Wira Oren' sebagai pasukan barisan hadapan adalah menyerupai tugas penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), pasukan Bomba dan Penyelamat dan lain-lain khususnya dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.

MOHD. Fuad Awang Jaafar.

"Bertugas pada musim penularan wabak COVID-19 ini sedikit berbeza kerana kita perlu mengambil langkah lebih berhati-hati agar tidak dijangkiti.

"Oleh itu, selepas selesai menjalankan tugas saya akan membersihkan diri terlebih dahulu sebelum bersama-sama dengan ahli keluarga.

"Ahli keluarga juga pada mulanya turut menyuarakan kebimbangan mengenai keselamatan saya semasa bekerja tetapi akhirnya mereka faham bahawa tanggungjawab ini harus dilaksanakan," ujarnya yang telah berkhidmat bersama MBSP sejak 2004.

Bagi **MAZLAN OMAR**, 36, berkongsi bahawa melaksanakan tugasan sebagai pasukan barisan hadapan dalam mengekang penyebaran wabak COVID-19 memerlukan mereka bersikap lebih berhati-hati berbanding ketika melakukan tugasan pada hari-hari biasa.

Katanya, menjadi tugas beliau untuk memastikan persekitaran pasar sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat buat pengunjung.

"Saya memang sentiasa berhati-hati semasa menjalankan tugas kerana kita perlu berdepan dengan orang ramai yang mana ada dalam kalangan mereka mungkin adalah pembawa virus. Jadi, kita tidak mahu virus ini dibawa pulang dan menjangkiti ahli keluarga pula," katanya.

MAZLAN Omar.

Dalam pada itu, **AZHAR ISMAIL**, 52, memberitahu bahawa cabaran yang terpaksa dihadapi pasukannya adalah untuk berdepan dengan kerenah orang ramai yang adakalanya kurang memahami perihal pentingnya mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19.

"Awal-awal kita laksanakan langkah pencegahan seperti mengarahkan pengunjung mengekalkan jarak sosial, mengehadkan kemasukan pengunjung ke dalam pasar telah membangkitkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak.

"Tetapi kini kebanyakan pengunjung sudah faham dan mereka telah memberikan kerjasama yang sangat baik," ulasnya.

Ditanya mengenai risiko jangkitan (COVID-19), Azhar menyatakan bahawa beliau bersyukur kerana pihak MBSP begitu mengambil berat perihal kebajikan serta keselamatan pasukan 'Wira Oren' dengan membekalkan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang secukupnya.

"MBSP telah membekalkan semua keperluan perlindungan diri untuk kami seperti menyediakan pelitup muka, pensanitasi serta sarung tangan dan mengawal keselamatan kami dengan sangat ketat.

"Saya juga selalu mendapatkan maklumat berkaitan langkah-langkah pencegahan COVID-19 daripada anak saya yang kini sedang bekerja sebagai pasukan barisan hadapan di Hospital Pulau Pinang (HPP)," katanya.

Bagi penulis, jasa dan bakti pasukan 'Wira Oren' yang sentiasa mengorbankan masa dan tenaga untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik untuk warga Seberang Perai adalah sangat murni serta wajar dihargai.

Justeru, adalah diharapkan seluruh warga Seberang Perai dapat memberikan kerjasama kepada mereka dengan sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar dan mengurangkan penghasilan sampah-sarap.

Terima kasih 'Wira Oren'!

Pematuhan PKP, lawatan khas kilang dibenar beroperasi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PERAI - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengadakan lawatan ke *Flex Ltd.* (Flex) *Plant 5* dekat sini bagi meninjau perjalanan operasi kilang berkenaan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sejurus tiba, beliau melakukan penyaringan suhu badan sebelum diberikan taklimat oleh Naib Presiden Flex Ltd., P. Viswanathan mengenai usaha yang dijalankan oleh pihak berkaitan dalam memastikan operasi dijalankan adalah mematuhi syarat-syarat PKP.

Menurut beliau, pihaknya mengambil serius aspek keselamatan pekerja melalui langkah-langkah yang ketat seperti melakukan penyaringan suhu badan, menyediakan alat pensanitasi tangan, pelitup muka dan mengamalkan jarak sosial di semua sudut termasuk bilik mesyuarat, kantin serta bahagian pengeluaran.

Selain itu, juga mengubah waktu rehat pekerja kepada beberapa sesi untuk mengelakkan kesesakan di ruangan kantin, dan pada masa sama memastikan jarak sosial selamat dapat dipatuhi.

Malah, tambah Viswanathan, pekerja yang bekerja sepanjang tempoh PKP turut diberikan insentif khas.

Turut serta, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengurus Besar Flex Ltd., E.C Tang; Naib Presiden Bahagian Teknologi Maklumat, S.N. Lee dan Ketua Pegawai Operasi, Chew Pay Fern.

Mengakhiri lawatan selama kira-kira satu jam itu, Kon Yeow dibawa meninjau perjalanan operasi kilang berkenaan di bahagian pengeluaran produk.

Difahamkan, Flex antara kilang yang terlibat dalam sektor pembuatan kritikal dan dibenarkan beroperasi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) sepanjang tempoh PKP.

KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Flex pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

Platform digital gaya hidup masa hadapan

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang meneliti kaedah baru bagi membantu golongan penjaja dan peniaga kecil di negeri ini yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

AR. Yew Tung Seang.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, pihaknya kini di peringkat kajian untuk memanfaatkan transformasi digital bagi memastikan golongan berkenaan dapat meneruskan kelangsungan perniagaan dalam jangka masa pendek, sederhana serta panjang.

"Insentif wang tunai RM500 yang diberikan secara *one-off* oleh Kerajaan Negeri kepada penjaja dan peniaga kecil adalah berbentuk bantuan segera, tetapi kita juga perlu melihat impak lebih besar yang akan berlaku selepas ini, terutama kepada golongan berpendapatan rendah.

"Oleh itu, pada masa ini, kami sedang mengkaji kaedah pendigitalan untuk membantu mereka dan sekiranya projek ini berjaya, maka ia akan melancarkannya.

"Suka atau tidak, kita semua harus menerima realiti bahawa platform digital merupakan gaya hidup pada masa hadapan.

"Justeru, transformasi adalah suatu keperluan yang mana setiap daripada kita perlu berfikir bagaimana untuk mengubah cara hidup mulai sekarang dalam mendepani cabaran-cabaran ini dan menjadikannya sebagai satu peluang," katanya pada sidang media menerusi *Facebook Live* dekat Komtar 6 April lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud serta Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali turut serta dalam sidang media tersebut.

eBazar Ramadan MBSP pusat sehenti dalam talian

SEBERANG JAYA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyempurnakan acara pelancaran portal khas 'eBazar Ramadan' demi memudahkan urusan jual-beli secara dalam talian bagi sepanjang bulan Ramadan serta pada musim perayaan Aidilfitri nanti.

Ketika berucap, beliau berharap portal *https://www.mbsp.gov.my/* menjadi pusat sehenti secara dalam talian demi memudahkan aktiviti jual beli ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Portal eBazar Ramadan boleh dibaratkan seperti *'one stop center'* atau pusat sehenti bagi penjaja di Seberang Perai.

"Hanya dengan satu paparan, para pembeli boleh memperoleh senarai nama restoran atau menu makanan yang diidamkan tanpa perlu keluar rumah sebagai pematuhan kepada PKP," jelasnya dalam sidang media di Menara Bandaraya MBSP dekat Bandar Perda dekat sini pada 14 Mac 2020.

Bercakap pada majlis sama, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa inisiatif tersebut adalah selaras dengan hasrat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan iaitu 'tidak mahu mana-mana pihak tercicir di belakang', ketika semua pihak saling berganding bahu demi melawan COVID-19.

"Portal eBazar Ramadan akan mengumpulkan laman web, portal, *Facebook* (FB) dan *WhatsApp* di seluruh Seberang Perai yang menyediakan produk makanan atau bukan makanan seperti pakaian, kasut, barangan runcit serta kuih-muih keperluan hari raya. Pemunya laman web, portal, FB, *WhatsApp* hendaklah mendaftar dengan klik pada pendaftaran (dapat nama dari fikri) dalam ruang eBazar Ramadan MBSP.

"Pemunya portal, laman web, FB, *WhatsApp* yang berjaya akan dipaparkan ke dalam e-Katalog Bazar Ramadan MBSP yang menjadi pusat interaksi dengan pembeli.

"Pembeli hanya perlu memilih portal, lawan web, FB, *WhatsApp* kegemaran mereka untuk memesan juadah atau barangan yang diingini, dan peniaga akan mengaturkan khidmat penghantaran pesanan.

"Jika peniaga tidak menyediakan khidmat penghantaran, pembeli boleh memilih khidmat penghantaran yang juga disediakan dalam *e-catalog* ini," ulasnya.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa MBSP turut saling bekerjasama dengan *Grab Food* untuk memudahkan lagi aktiviti jual beli secara dalam talian.

Justeru, menurut beliau, aktiviti jualan dalam kawasan berpagar atau bangunan sahaja dibenarkan sebagai pusat pengumpulan *(collection centre)* dari jam 12 tengah hari hingga 7 malam, dengan mematuhi semua syarat-syarat PKP.

"*Collection centre* di tepi jalan tidak dibenarkan.

"*Collection centre* hendaklah mengikut konsep berikut iaitu pra tempahan *(pre order)* melalui atas talian *(online)* yang disediakan oleh penganjur *collection centre*;

"(Kemudian,) *dropship* iaitu peniaga hanya mengambil pesanan pelanggan secara atas talian *(online)*, dan menghantar pesanan ke *collection point*...peniaga tidak dibenarkan berniaga di dalam kawasan *collection centre*.

"(Seterusnya,) penghantaran yang disediakan oleh penganjur atau sedia ada seperti *Food Panda, Grab Food* dan lain-lain," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali turut mengumumkan *Grab Food* telah bersetuju memberi komisen diskaun istimewa iaitu 20 peratus daripada jualan (kadar normal adalah sehingga 35 peratus) kerana ini adalah projek rakyat (dan) MBSP," katanya.

SR. Rozali Mohamud.

Amanah dipikul demi keselamatan awam

KERJA-kerja pembersihan di Pasar Awam Jalan Perak.

BUNGKUSAN makanan yang banyak melibatkan penggunaan plastik pada tempoh PKP.

TERGOLONG dalam perkhidmatan penting *(essential service)* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa, Pembantu Awam di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akur akan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dengan hati terbuka.

Wira-wira barisan hadapan ini mungkin dipandang enteng oleh segelintir masyarakat, namun jasa mereka dalam memastikan kemudahan dan peralatan di sekitar pasar awam didisinfeksi secara berkala supaya bebas daripada virus COVID-19 adalah wajar dipuji.

Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF**, dan jurugambar, **LAW SUUN TING** cuba mendekati wira-wira ini bagi mengupas cabaran yang dihadapi mereka ketika menjalankan tugas sepanjang PKP berkuat kuasa sejak 18 Mac lalu.

MUHD. Saufy Othman.

Bagi Pembantu Awam JPP MBPP, **MUHD. SAUFY OTHMAN** ketika ditemui berkata, meskipun sedar akan risiko terdedah kepada wabak COVID-19 adalah amat tinggi ekoran beliau dan rakan-rakannya bertugas seharian di Pasar Awam Jalan Perak, namun demi keselamatan rakyat serta orang awam, mereka tetap melaksanakannya dengan penuh kebertanggungjawaban.

"Memang agak susah, tugas macam kami terdedah kerana kawasan ini (pasar) lebih banyak virus.

"Namun, kami akur dan percaya dengan kelengkapan keselamatan yang disediakan seperti pelitup muka, pensanitasi tangan dan sarung tangan, insyaAllah ia dapat dihindari.

"Kami sentiasa mengutamakan keselamatan dan langkah-langkah pencegahan terutamanya ketika melakukan tugas… contohnya selain disinfeksi peralatan di sini seperti pagar, pemegang tangan *(hand rail)* dan pasar basah, kadang-kala terpaksa juga mengutip pelitup muka, sarung tangan yang dibuang orang awam selain sampah.

"Ia (pelitup muka dan sarung tangan) juga ada kuman, maka kami memang kutip dan buangnya dengan hati-hati," ujarnya.

MUHD. Azim Rizuan.

Justeru, **MUHD. AZIM RIZUAN** yang juga Pembantu Awam JPP berharap masyarakat dapat menanamkan kesedaran dalam diri masing-masing tentang peri penting membuang pelindung keselamatan tersebut dengan cara betul.

"Jika orang awam mudahkan kerja kami dengan membuangnya ke dalam tong sampah yang disediakan, ia sedikit-sebanyak membantu memudah serta mempercepatkan tugas… bukan sewenang-wenang buangkannya di atas jalan atau kawasan sekitar kerana ia mengandungi kuman.

"Diharap masyarakat ada kesedaran sebagaimana mereka amat mementingkan keselamatan dengan memakai pelitup muka, maka mereka juga perlu tanamkan dalam diri untuk bertanggungjawab ke atasnya," serunya sambil berkata bahawa setiap hari beliau akan membersihkan diri dan mengasingkan pakaian kerja terlebih dahulu sebelum bersama-sama dengan keluarga.

MUHAMMAD Faisal Ayub.

KHOO Eng Chong.

Bagi **MUHAMMAD FAISAL AYUB**, mewakili rakan-rakannya, beliau tidak lupa menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya atas sumbangan insentif RM300 kepada wira barisan hadapan dan beberapa bantuan hidup lain di peringkat Persekutuan.

"Terima kasih Kerajaan Negeri atas keprihatinan kepada kami," ulasnya.

Difahamkan, sepanjang PKP yang dilaksanakan sejak 18 Mac lalu bagi mengekang penularan wabak COVID-19, JPP menempatkan seorang pembantu kesihatan awam, dibantu mandor (1) dan pembantu awam (5) pada setiap hari berbanding hari biasa (sebelum pelaksanaan PKP) di antara enam hingga 10 pembantu awam di Pasar Awam Jalan Perak.

Menurut Pembantu Kesihatan Awam Kanan, **KHOO ENG CHONG**, cabaran utama sepanjang tempoh berkenaan adalah kekurangan kakitangan (pembantu awam) ekoran perintah PKP dan pertambahan penggunaan beg plastik dalam kalangan orang awam.

Menurut beliau, ekoran kekurangan kakitangan yang bertugas pada setiap hari, maka pekerja harian perlu melakukan tugas dua kali ganda berbanding sebelum ini.

"Pembantu kesihatan awam dan mandor yang bertugas perlu mengatur orang (kakitangan) dengan efektif memandangkan sehari di antara lima orang sahaja akan bertugas.

"Mereka akan mulakan tugas seawal 6.30 pagi dan habis paling awal pun 4.30 petang baru selesai tugas keseluruhannya… sepanjang tempoh pasar beroperasi (6.30 pagi hingga 12 tengah hari), mereka akan melakukan disinfeksi secara berkala iaitu mengelap peralatan sejam sekali.

"Sesudah pasar tutup dan orang awam lengang, mereka akan mula membasuh pasar basah dengan air dan kemudiannya melakukan disinfeksi keseluruhan pasar dengan menggunakan teknik semburan…. kemudiannya barulah buat tugasan pembersihan seperti sapu jalan dan cuci longkang seperti biasa.

"Bagi saya JPP bukannya Jabatan Perkhidmatan Perbandaran tapi 'Jabatan Paling Penting'," selorohnya sambil mengucapkan rasa bangganya ekoran mempunyai satu kumpulan pekerja yang berdedikasi, bertanggungjawab, ringan tulang serta sentiasa bersedia melakukan tugas jika diarahkan tanpa sebarang rungutan.

Mengulas lanjut berhubung pertambahan penggunaan beg plastik sewaktu tempoh pelaksanaan PKP, Eng Chong menyarankan agar masyarakat membawa bekas makanan ataupun beg kitar semula sendiri.

"Sejak PKP, semua makanan harus dibungkus balik, ini membawa kepada pertambahan beg plastik, justeru saya sarankan kepada masyarakat agar membawa *tiffin*, siya atau bekas makanan mereka sendiri jika ingin membeli makanan di luar.

"Manakala, bagi yang ingin ke pasar atau pasar raya, bawalah beg kitar semula, saya tahu ini adalah waktu sukar untuk semua orang, tapi dengan kerjasama kita boleh lakukannya," jelasnya.

Pulau Pinang tetapkan dua kadar zakat fitrah RM7 dan RM16

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA – Dua kadar zakat fitrah ditetapkan bagi negeri Pulau Pinang pada tahun ini iaitu RM7 dan RM16 mengikut kemampuan individu.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, perkara itu diputuskan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Menurut beliau, penetapan dua kadar zakat fitrah adalah bagi memberi peluang kepada umat Islam yang berkemampuan untuk menunaikan kewajipan membayar pada kadar lebih tinggi iaitu RM16 seorang.

"Bagi mereka yang kurang berkemampuan boleh membayar zakat fitrah pada kadar RM7 seperti tahun lepas.

"Jangkaan kutipan zakat fitrah bagi Pulau Pinang tahun ini dianggarkan RM7 juta dengan mengambil kira golongan yang berkemampuan membayar pada kadar yang lebih tinggi," katanya pada sidang media dekat Wisma Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini 9 April lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri I, menjelaskan bahawa MAINPP juga sedar dalam keadaan penularan wabak koronavirus (COVID-19) ketika ini telah memberi kesan terhadap sebahagian umat Islam di negeri ini terutamanya mereka yang mempunyai tanggungan ramai.

"Bagi mereka yang terjejas boleh membayar zakat fitrah mengikut kemampuan bilangan tanggungan dengan kadar RM7 seorang.

"Sebagai contoh, sekiranya seorang ketua keluarga mempunyai tujuh orang tanggungan di bawahnya, tetapi keadaan ekonomi keluarga semasa menyukarkan beliau untuk membayar RM56, maka dia boleh mengutamakan beberapa orang tanggungan terlebih dahulu," jelasnya.

IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) dan Amran Hazali (kanan sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ahmad Zakiyuddin juga menegaskan bahawa zakat fitrah perlu dibayar kepada amil yang sah dan dilantik oleh MAINPP mengikut Seksyen 16, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996.

"Tahun ini, seramai 1,755 amil dilantik oleh MAINPP membabitkan 239 kariah," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa sekiranya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga Ramadan, pihaknya menggalakkan orang ramai membayar zakat secara dalam talian seperti *Snap N Pay*, JomPay dan beberapa kaedah digital lain yang akan diumumkan kelak.

"Kita (ZPP) masih tetap meraikan kaedah pembayaran secara konvensional, namun ia akan dilakukan dengan beberapa ketetapan agar mematuhi PKP seperti mengamalkan jarak sosial.

"Kita juga akan mendapatkan pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mencari tempat yang sesuai dan tatacara tepat untuk dijadikan panduan bagi menjamin keselamatan amil serta pembayar zakat," katanya.

Perkongsian Ketua Menteri:

Demi masa depan bersama

Kita sudah memasuki minggu terakhir Fasa Kedua Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi menangani penularan wabak COVID-19. Sama ada perintah ini akan dilanjutkan, ia lazimnya menjadi tumpuan serta perhatian semua rakyat yang kehidupan harian terkesan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini.

Saya tiada jawapannya, dan kita perlu menunggu keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada Jumaat, 10 April 2020. Sebagaimana semua di sini, saya memang berharap kita boleh cepat kembali kepada situasi asal dan hentikan penularan wabak COVID-19 di negeri serta negara kita ini pada kadar segera.

Akan tetapi, pihak berwajib iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu meneliti dengan lebih mendalam sebelum sebarang keputusan boleh diputuskan. Apa sekalipun keputusannya, saya berharap rakyat boleh menerima hakikat ini dan terus memberikan kerjasama bagi memutuskan rantaian wabak ini daripada terus merebak. Ia adalah demi keselamatan kita semua dan juga orang yang kita sayangi.

Dalam tempoh ini, banyak yang membelenggu pemikiran saya, apakah masa depan kita semua. Realitinya, dunia pasca COVID-19 adalah sebuah dunia yang tidak dapat kita bayangkan pada ketika ini.

Bermula daripada seorang individu dan kemudian merebak ke setiap negara di seluruh pelosok bumi ini. Dalam tempoh masa yang amat singkat, kita sebagai manusia menghadapi masa depan yang amat berbeza daripada sekarang, dan kini adalah tidak dapat dinafikan bahawa dalam mengorak ke arah perubahan ini, kemungkinan terdapat pihak yang kecundang di separuh jalan.

Bagi seorang individu, apakah masa depan bagi kita semua. Kita mungkin terancam oleh isu kesihatan dan mungkin juga mata pencarian, nafkah kepada keluarga serta pekerjaan. Apabila seseorang individu terjejas, maksudnya keluarga dan masyarakat turut akan menerima impaknya.

Pada aspek ekonomi negara, apakah masa depan yang menanti usahawan dan syarikat-syarikat yang telah sekian lama beroperasi. Sememangnya masa depan adalah agak kabur dalam memastikan *survival* kita dalam dunia perniagaan serta sektor ekonomi secara keseluruhan.

Apakah dunia perniagaan pasca COVID-19 yang perlu kita tempuhi. Semestinya akan ada perniagaan yang akan hilang relevannya dan secara tidak langsung, kita perlu merombak semula sistem ekonomi dunia dan negara kita.

Setelah tiga minggu dalam PKP, saya percaya ramai sudah berasa letih berhadapan dengan kesulitan hidup dan masa depan yang tidak menentu. Ada yang tidak sanggup dan tidak mampu lagi mengerti erti ketabahan dalam perjuangan ini dan mahu menyerah diri.

Tidak dinafikan, perasaan ini turut bermain dan menghantui sanubari saya. Akan tetapi, saya tahu bahawa sebagai pemimpin negeri ini, saya ada kewajipan kepada Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang yang saya kasihi. Saya tidak boleh putus asa dalam melawan COVID-19.

Apa jua senario masa depan yang terpapar serta bermain-main di dalam pemikiran kita, ia tidak seharusnya menguasai dan seterusnya melemahkan semangat kita di dalam pertempuran melawan wabak ini.

Ayuh, marilah kita memberi sokongan padu kepada petugas-petugas barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus, juga kepada rakan-rakan, anak-anak dan kawan sepejabat serta jiran-jiran kita bahawa kita perlu sepakat sehingga kita mencapai kejayaan.

Teruskan berjuang, jangan mudah menyerah kalah demi mencipta masa depan yang kita bangga serta impikan.

Though times will make us stronger. Penang Lawan COVID-19!

CHOW KON YEOW
10 April 2020

Pertempuran lawan COVID-19, jangan leka!

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menasihatkan rakyat negeri ini agar tidak terlalu leka dalam usaha membasmi penularan wabak COVID-19.

Menurut beliau, pertempuran melawan COVID-19 masih belum tamat dan rakyat negeri ini perlu bekerja lebih keras.

"Tidak dinafikan bahawa ramai yang berasa bimbang apabila melihat kes positif COVID-19 telah meningkat sebanyak enam (6) kes pada 8 April lalu di negeri Pulau Pinang berbanding sifar ataupun hanya satu (1) kes pada hari-hari sebelumnya.

"Berkali-kali saya tegaskan sebelum ini bahawa jangan terlalu leka dengan angka-angka ini kerana pertempuran ini adalah sebuah maraton dan bukannya larian pecut yang hanya berakhir dalam tempoh masa singkat.

"Kita masih perlu dan terus bekerja keras. Jangan sesekali menanam sifat sambil lewa bahawa kita sudah boleh *'relax'* akibat dikaburi oleh angka-angka berkaitan," ujarnya pada siaran langsung menerusi laman *Facebook* beliau di sini pada 9 April lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow juga telah mencadangkan agar Kerajaan Pusat meningkatkan lagi kadar ujian saringan COVID-19 di negeri Pulau Pinang.

"Kita mesti mengetahui dengan jelas semua kes-kes positif wabak ini dan seterusnya mengambil tindakan yang sepatutnya termasuk mengasingkan pesakit-pesakit ini bagi memutuskan rantaian perebakan.

"Bagaimanapun, jangan sesekali kita panik apabila bilangan kes bertambah ekoran peningkatan kadar ujian saringan ini.

"Pengalaman di negara-negara seperti Korea Selatan yang dilihat sebagai berjaya mengekang wabak ini termasuklah melakukan seberapa banyak saringan yang mungkin.

'Dalam aspek tersebut, Kerajaan Negeri sudi bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam menjayakan pendekatan dicadangkan,'' jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa setakat 8 April 2020, Ketua Polis Negeri memaklumkan bahawa kadar kepatuhan PKP di negeri ini adalah pada kadar 97.7 peratus, dan seramai 587 individu telah ditahan ekoran ingkar PKP.

"Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka yang melanggar PKP akan dikenakan kompaun RM1,000. Justeru, saya mohon agar rakyat Pulau Pinang sepakat serta terus menghormati undang-undang dan mematuhi PKP ini. Ayuh, buktikan kita boleh!'' serunya.

Hakmilik Kekal

4 unit Rumah Berkembar & 78 unit Rumah Teres Dengan Rekabentuk Yang Moden

- Terletak di kawasan Sungai Bakap yang sedang membangun.
- Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara-Selatan, Jambatan Kedua Pulau Pinang serta kawasan perindustrian dalam jarak pemanduan yang dekat.
- Dikelilingi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti IKEA, Auto-city, Icon-city, bank, pusat beli-belah, restoran, pasar dan sekolah seperti SMJ Valdor & SRJK(C) Kampung Valdor.

Keluasan Tanah : 3356 - 3787 KPS
Keluasan Binaan : 30' x 40'
Harga Minima : RM705,000
Harga Maksima : RM715,000
4 unit

Jenis A • 45 unit
Keluasan Tanah : 1366 - 2829 KPS
Keluasan Binaan : 20' x 40'
Harga Minima : RM489,000
Harga Maksima : RM682,000

Jenis B • 33 unit
Keluasan Tanah : 1237 - 2851 KPS
Keluasan Binaan : 20' x 40'
Harga Minima : RM459,000
Harga Maksima : RM682,000





EVERGREEN
PEMAJU:
EVERGREEN IVORY SDN BHD (896999-K)
1797-1-8, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.
T 04-507 8980 / 507 8981 F 04-507 5980 E loyal188@gmail.com

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

No. lesen pemaju: 19772-1/10-2021/0881(L)
Tempoh sah: 02/10/2019-01/10/2021
No. permit iklan & jualan: 19772-1/10-2021/0881(P)
Tempoh sah: 02/10/2019-01/10/2021
Jenis perumahan: Rumah Berkembar 2-Tingkat, Rumah Teres 2-Tingkat Jenis A & Jenis B

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

No. pelan susunatur: MPSP/70/39-64/21
No. pelan bangunan: MPSP/40/20-64/24
Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP
Bebanan tanah: Tiada
Hakmilik tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh dijangka siap: JUN 2021

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn37@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Azmi bin Alang annzaley15@gmail.com	(T) 017 - 585 5457 019 - 444 6600
N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek bin Abd. Rahman hajifek@gmail.com	(T) 019 - 415 3850

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
HOTLINE MBPP	04-263 7637
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
WCC (*Women's Centre for Change*)	04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340
EPF	04-226 1000
SOCSO	04-238 9888
JPJ	04-656 4131 04-398 8809
JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

Kalendar Pelancongan

Saluran Rasmi Kempen Penang Lawan Covid-19

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abidin	017 - 938 9192
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaimani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhamad Suzuki Ahmad	011 - 1119 4419
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Siti Shahanis Md. Sharif	010 - 369 5641
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	U. Jagatisan	Seberang Perai Selatan		010 - 563 2279

Nota:
Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrizal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Andrew Chua Thian Chai	016 - 485 0031
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azly Ibrahim	011 - 2432 9007
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz	019 - 470 0357
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Muhamad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

COVID-19: Penarik beca lega peroleh bantuan tunai Kerajaan Negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN - Penarik beca antara golongan yang terjejas teruk daripada segi pendapatan harian sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19 di Pulau Pinang.

Namun, atas keprihatinan dan dasar negeri berkebajikan, setiap penarik beca berdaftar layak mendapatkan bantuan RM500 secara sekaligus *(one-off)* daripada pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Pengerusi Persatuan Penarik Beca Pulau Pinang, **ABDUL LATIF MOHD.**, 73, memberitahu bahawa rata-rata penerima sumbangan tersebut boleh menarik nafas lega 'buat seketika'.

Ini kerana, katanya, masing-masing tidak pasti waktu negeri ini bebas daripada COVID-19, lalu, boleh kembali menjalankan aktiviti ekonomi seperti biasa.

"Sebelum COVID, setiap minggu penarik beca ambil (bantuan sumbangan kerajaan) RM20 di bank dekat Lebuh Pantai, semua (penerima berdaftar) kira-kira 100 orang.

"Selama empat minggu ini juga, aktiviti pelancongan terganggu, bagaimana penarik beca boleh cari makan.

"Kerajaan (Negeri) bagus panggil (penerima sumbangan) datang sini (Komtar) untuk mendapat lebih sumbangan (sepanjang tempoh PKP), bagus lah," jelasnya ketika hadir menerima sumbangan Kerajaan Negeri di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang ekoran pelaksanaan PKP di sini pada 5 April 2020.

Abdul Latif memberitahu bahawa purata pendapatan bulanan penarik beca adalah antara RM600 hingga RM1,000.

"Macam saya boleh dapat sehingga RM1,000 sebab sektor pelancongan sebelum COVID-19 memang bagus.

"Pendapatan rata-rata penarik beca, ada yang dapat RM600, ada yang dapat RM900 dan ada yang dapat lebih RM1,000... bergantung kepada kerajinan masing-masing," ulasnya.

N. RAGU, 61, turut menarik nafas lega atas bantuan tunai RM500 sumbangan Kerajaan Negeri.

"Saya sudah mengayuh beca roda tiga sejak 1991, tapi, dalam tempoh tiga hingga empat minggu ini, sangat susah untuk mendapatkan pelanggan.

"Siapa mahu baik beca... lebih baik duduk di rumah dan jangan ingkar arahan PKP.

"Mujur ada pihak tertentu memberikan (bungkusan) makanan, di Masjid Kapitan Keling.

"Tidak ada pendapatan sekarang, tapi saya masih terpaksa bayar sewa bilik RM250 sebulan.

"Pendapatan penarik beca memang terjejas teruk, sebelum COVID-19 lagi, apabila begitu banyak kereta sewa, teksi, kereta *Grab* dan perkhidmatan bas percuma (CAT).

N. Ragu.

"Dalam keadaan persaingan begitu mencabar dahulu pun, saya boleh (peroleh) dalam antara RM40 hingga RM50 sehari, sekarang saya telah tua dan tidak boleh kayuh (beca) seperti dahulu, dengan COVID-19, bertambah sengsara.

"Dengan adanya bantuan kewangan (Kerajaan Negeri) sebegini, orang macam saya sudah tentulah begitu gembira, sekurang-kurangnya untuk terus hidup secara ringkas sepanjang PKP ini," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Setiausaha Bahagian bagi Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, M. Maheswari menyatakan bahawa pemberian bantuan secara wang tunai terpaksa dibuat serta-merta kerana rata-rata pemohon tidak mempunyai akaun bank.

"Jadi, Ketua Menteri dan YB Yeoh (Soon Hin), Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan membuat keputusan untuk menyalurkan bantuan sesegera mungkin.

"Mereka (penarik beca) adalah antara kelompok rakyat yang terjejas daripada segi pendapatan apabila sektor pelancongan negeri terjejas (dek COVID-19).

"Seperti kini, dengan bantuan anggota (penguatkuasa) Majlis (Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), polis, CERT (Pasukan Tindakan Kecemasan Komuniti), pengawal keselamatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pulau Pinang), juga Pejabat Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh ada membantu amalan pemeriksaan kesihatan, jarak sosial serta sebagainya," jelasnya.

Difahamkan, jumlah keseluruhan penarik beca berdaftar di bahagian pulau adalah seramai 329 orang.

Justeru, Maheswari menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri akan membuat pemutihan senarai penarik beca yang ada demi memastikan tiada penerima tercicir daripada mendapat bantuan kewangan RM500 ketika COVID-19 ini.

YEOH Soon Hin (berkemeja putih) menyampaikan sumbangan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang kepada salah seorang penarik beca berdaftar di sini baru-baru ini.

M. Maheswari.

DUDUK bergaya atas beca, Abdul Latif Mohd. memuji inisiatif Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan berwajib secara tunai baru-baru ini.